

HALA TUJU EKONOMI

PASCAPRU-14

Perubahan tampuk pemerintahan negara buat pertama kalinya dalam sejarah sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957 bakal mengubah landskap politik negara. Perubahan pemerintah yang selama ini dikuasai oleh Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH) bakal menyaksikan pelbagai perubahan yang melibatkan hala tuju ekonomi di Malaysia.

PascaPilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) menjadi permulaan bagi sistem ekonomi Malaysia yang diterajui oleh sebuah parti yang lain. Pastinya, perubahan-perubahan ini mengambil kira komitmen kerajaan yang diterajui oleh PH untuk membela nasib rakyat dan pada masa yang sama menunaikan akur janji dalam manifesto PRU-14 PH.


Sebaik-baik sahaja PH mencapai kemenangan dalam PRU-14, Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menubuhkan Majlis Penasihat Kerajaan. Majlis ini yang diketuai oleh Tun Daim Zainuddin bertujuan untuk menunaikan janji 100 hari PH dengan menyediakan dasar dan program yang bersesuaian. Dengan itu, majlis ini hanya berperanan untuk 100 hari sahaja apabila tempoh ini dikatakan sebagai tempoh yang paling mencabar bagi PH untuk menunaikan janji-janji manifestonya.

Antara tindakan yang telah dilakukan oleh majlis ini termasuklah membincangkan tentang cukai barangan dan perkhidmatan (GST), selain daripada isu tol dan subsidi bahan api. Tiga perkara ini merupakan sebahagian daripada 10 janji 100 hari PH yang dilancarkan pada 8 Mac 2018. Dengan itu, pada tanggal 16 Mei yang lalu, kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah mengumumkan kadar sifar GST bagi barangan dan perkhidmatan yang dikenakan di Malaysia.

Sebelum itu, kerajaan di bawah BN telah memperkenalkan GST pada kadar 6 peratus bermula pada 1 April 2015. Pengenal kadar sifar merupakan permulaan buat kerajaan PH bagi menunaikan sembilan lagi janji 100 hari yang menjadi akur janji manifesto mereka. Sememangnya, rakyat menantikan GST berkadar sifar memandangkan GST adalah antara faktor yang disebut-sebut dalam kalangan rakyat telah meningkatkan harga barangan dan perkhidmatan.

Isu kos sara hidup dikatakan sebagai faktor utama tumbangannya kerajaan BN. Hal ini berlaku sedemikian rupa kerana faktor kos sara hidup rakyat yang cukup tinggi pada dewasa ini amat dekat di hati rakyat, memandangkan rakyat terpaksa menjalani kehidupan yang kurang selesa dengan kenaikan kos sara hidup seharian mereka. Bagi menampung kehilangan pendapatan dengan pengenalan GST berkadar sifar, kerajaan bakal memperkenalkan semula cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Sesuatu yang amat meyakinkan adalah pada masa kini, harga minyak global meningkat dengan ketara pada paras dalam lingkungan Amerika Syarikat Dolar (ASD)70 setong. Kenaikan harga minyak ini memberi impak positif terhadap pendapatan kerajaan. Berkenaan dengan harga minyak di pasaran tempatan, kerajaan telah mengumumkan untuk mengekalkan harga tersebut. Dengan itu, tiada lagi perubahan harga minyak bagi setiap minggu yang telah diamalkan oleh kerajaan BN sebelum ini. Pengekal harga minyak membolehkan peniaga merancang perniagaan mereka terutama dari sudut kos dan perbelanjaan pengangkutan. Dengan kata lain, ahli-ahli perniagaan mementingkan kestabilan harga minyak agar tidak memberi implikasi negatif terhadap perniagaan mereka. Keadaan ini sekali gus memudahkan mereka berbanding mekanisme perubahan harga minyak yang diumumkan pada setiap hari Rabu, sebelum ini.



Selain isu GST yang diumumkan oleh kerajaan dengan jalan penyelesaian GST berkadat sifar dan pengendalian harga minyak, kerajaan juga telah mengumumkan bahawa pelbagai projek mega di bawah kerajaan terdahulu akan disemak semula, termasuklah berkaitan dengan pengurusan hutang negara apabila jumlah hutang negara yang dilaporkan oleh kerajaan PH berjumlah RM1.08 trilion berbanding hanya RM686.8 bilion yang telah dilaporkan oleh kerajaan BN sebelum PRU-14.

Perbezaan yang ketara ini disebabkan oleh jumlah jaminan kerajaan sebanyak RM199.1 bilion dan jumlah pelbagai pajakan sebanyak RM201.4 bilion. Jumlah hutang yang lebih tinggi ini telah menyebabkan kerajaan komited untuk mengurangkan hutang sebanyak RM200 bilion bagi membolehkan jumlah hutang negara hanya sekadar dalam lingkungan RM800 bilion sahaja. Hal ini adalah antara komitmen yang telah dinyatakan oleh kerajaan. Pastinya, komitmen ini akan mengubah hala tuju dasar dan polisi ekonomi negara. Komitmen ini juga penting agar ekonomi negara sentiasa berada dalam kedudukan yang baik serta diakui pada peringkat antarabangsa terutamanya melibatkan organisasi dunia seperti Bank Dunia dan agensi-agensi penarafan antarabangsa.

Dengan itu, tidak menghairankan kerajaan akan menyemak semula projek-projek mega yang memberi kesan terhadap peningkatan hutang negara. Tidak hanya melibatkan isu ini, pada tanggal 23 Mei yang lalu, kerajaan telah mengumumkan pembubaran

beberapa agensi kerajaan. Agensi-agensi kerajaan yang diumumkan pembubaran termasuklah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Majlis Profesor Negara (MPN) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP).

Di samping itu, 3000 kakitangan lantikan politik di bawah BN melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan telah ditamatkan perkhidmatan berkuat kuasa pada 15 Mei. Segala pengumuman ini bagi membolehkan kerajaan menjimatkan perbelanjaan dan sekali gus lebih pendapatan kerajaan digunakan untuk membayar kembali hutang negara.

Selain daripada isu penjimatan perbelanjaan kerajaan dan strategi untuk mengurangkan hutang negara, kerajaan juga telah mengumumkan dasar perniagaan dan dagangan negara. Kerajaan telah memberi petunjuk akan sikap tidak campur tangan mereka dalam urusan perniagaan dengan tidak akan membeli saham Proton Holding Bhd. Malah, kerajaan juga tidak akan mencampuri urusan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Dengan kata lain, GLC diberikan kebebasan untuk diurus dan ditadbir urus oleh golongan profesional.

Bagi aspek melibatkan dagangan dengan negara-negara lain, kerajaan telah mengambil pendekatan neutral berhubung perkara ini. Hal ini bermaksud, tidak kiralah apa-apa jua ideologi sesebuah negara, kerajaan akan sentiasa mengadakan hubungan yang

lebih baik bagi mengukuhkan lagi dagangan negara. Hal ini cukup penting kerana melalui hubungan yang erat dengan mana-mana negara di dunia akan merancakkan lagi dagangan Malaysia.

Malaysia sebagai sebuah negara terbuka dalam pasaran bebas tidak boleh sesekali memilih negara dalam menjalankan perdagangan. Pemilihan negara akan merugikan Malaysia, sekali gus akan mendatangkan implikasi negatif terhadap rakyat. Dalam konteks ini, sebarang pelaburan langsung asing (FDI) yang mendatangkan keuntungan kepada rakyat dan negara terutamanya jika melibatkan pemindahan teknologi dan menggunakan tenaga kerja tempatan. Sebab itulah, dasar neutral dalam perdagangan akan membuahkan hasil buat negara dan pekerja tempatan rakyat Malaysia.

Dalam hal ini juga, isu lambakan pekerja asing di Malaysia antara fokus utama kerajaan. Misalnya, Memorandum persefahaman (MoU) 1.5 juta pekerja Bangladesh untuk dibawa masuk ke Malaysia dalam tempoh tiga tahun akan dikaji semula. Sememangnya, Malaysia menjadi lambakan pekerja asing. Perkara ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa juga. Maka, dengan kajian semula MoU melibatkan pekerja asing seperti dari Bangladesh akan mengurangkan jumlah pekerja asing di Malaysia. Kekosongan pekerjaan yang bakal ditinggalkan oleh pekerja asing akan diisi oleh pekerja tempatan. Hal ini cukup memberi kesan terhadap rakyat Malaysia yang memerlukan pekerjaan pada masa ini.

Kerajaan juga sedang berusaha untuk menyediakan program yang boleh meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan mekanisme peningkatan kuasa beli pengguna. Tiada guna Malaysia diumumkan sebagai negara maju berpendapatan tinggi, namun rata-rata rakyat tidak

memiliki kuasa beli yang tinggi. Kuasa beli yang tinggi membolehkan rakyat menjalani kehidupan yang lebih selesa, seterusnya mengurangkan tekanan ekonomi terhadap mereka.

Pelbagai langkah telah dan bakal diumumkan kelak bagi mencapai tujuan ini. Keadaan ini memungkinkan polisi atau program sebelum ini diteruskan dan diubah dengan mekanisme terbaharu yang lebih berkesan bakal diumumkan oleh kerajaan kelak. Misalnya, kerajaan tetap meneruskan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang telah diperkenalkan oleh kerajaan terdahulu. Program ini yang akan dijenamakan semula merupakan satu langkah yang dapat membantu rakyat berpendapatan rendah. Dengan bantuan kewangan disalurkan secara bersasar kepada golongan yang benar-benar layak, membolehkan mereka menggunakan bantuan kewangan tersebut untuk kehidupan seharian, sekali gus membantu membela nasib mereka ketika kos sara hidup cukup tinggi yang sedang dialami oleh rakyat Malaysia.

Apa-apa sahaja inisiatif, mekanisme atau langkah yang akan diumumkan oleh kerajaan nanti, pastinya akan mengubah hala tuju ekonomi Malaysia bagi membolehkan pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sentiasa kekal tinggi dan mapan dengan asas-asas ekonomi yang kukuh dan manfaatnya benar-benar diraih oleh rakyat secara keseluruhannya. Inilah yang dinanti-nantikan oleh majoriti rakyat yang telah memilih PH sebagai kerajaan baharu Malaysia. ¹⁰

**Penulis Penserah Kanan
Pusat Pengajian Perakaunan, Universiti Utara Malaysia.**